



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2010

**PELAKSANAAN DAN PENETAPAN GRED JAWATAN
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk menetapkan gred jawatan dan kadar elaun Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32, N36 berikutan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 bertajuk Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat.

DEFINISI

2. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini,

“**Ketua Jabatan**” bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah agensi awam di peringkat ibu pejabat iaitu Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah atau ketua perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan; dan

“**Ketua Perkhidmatan**” bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan.

LATAR BELAKANG

3. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan, Kerajaan telah menambahbaik **skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)** Gred N17, N22, N32 kepada skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32, N36 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 yang **berkuat kuasa pada 1 Januari 2010**.

GELARAN JAWATAN

4. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009, skop fungsi tugas Pembantu Khas meliputi kesetiausahaan, pentadbiran pejabat, kewangan, perhubungan awam dan jaringan kerja. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan tersebut, gelaran jawatan bagi skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat adalah **Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas**.

GRED JAWATAN

5. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 telah menetapkan gred jawatan hakiki Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat yang menjalankan tugas Pembantu Khas kepada pegawai penyelia yang layak berdasarkan gred jawatan hakiki pegawai penyelia seperti di **Jadual 1**:

Jadual 1: Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat

Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia	Gred Jawatan Hakiki Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat
Hakim Mahkamah Atasan *	N36
Gred Turus I, II dan III atau setaraf	N36
Gred Utama A dan B atau setaraf	N32
Gred Khas A dan B atau setaraf **	N32
Gred Utama C atau setaraf	N27/28
Gred Khas C atau setaraf **	N27/28
Gred 54 atau setaraf **	N17/N22
Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	N17

* Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah & Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi & Pesuruhjaya Kehakiman

** tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

*** yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

PENEMPATAN

6. Bagi memenuhi keperluan **mengekalkan kemahiran dan kesesuaian khusus** Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas, Kerajaan telah memberi kelonggaran supaya penempatan mereka **dilaksanakan secara fleksi**. Kaedah penempatan secara fleksi ini **tidak boleh** digunakan untuk tujuan kenaikan pangkat. Gred jawatan fleksi Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas kepada Pegawai Penyelia yang layak adalah seperti di **Jadual 2:**

Jadual 2: Gred Jawatan Fleksi Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas

Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia	Gred Penempatan Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas
Hakim Mahkamah Atasan *	N27/28/N32/N36
Gred Turus I, II dan III atau setaraf	N27/28/N32/N36
Gred Utama A dan B atau setaraf	N22/N27/28/N32/N36
Gred Khas A dan B atau setaraf **	N22/N27/28/N32/N36
Gred Utama C atau setaraf	N17/N22/N27/28/N32
Gred Khas C atau setaraf **	N17/N22/N27/28/N32
Gred 54 atau setaraf **	N17/N22/N27/28
Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	N17/N22/N27/28

* Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah & Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi & Pesuruhjaya Kehakiman

** tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

*** yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

ELAUN PEMBANTU KHAS

7. Elaun Pembantu Khas dibayar kepada Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas berdasarkan gred jawatan hakiki pegawai penyelia mengikut kadar seperti di **Jadual 3:**

Jadual 3: Kadar Elaun Pembantu Khas

Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia	Kadar Elaun Pembantu Khas Sebulan (RM)
Hakim Mahkamah Atasan *	250
Gred Turus I, II dan III atau setaraf	
Gred Utama A dan B atau setaraf	190
Gred Khas A dan B atau setaraf **	
Gred Utama C atau setaraf	150
Gred Khas C atau setaraf **	
Gred 54 atau setaraf **	120
Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	

* Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah & Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi & Pesuruhjaya Kehakiman

** tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

*** yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)

8. Elaun Pembantu Khas layak dibayar kepada:

- (a) Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas yang dikhususkan kepada pegawai penyelia yang layak mendapat Pembantu Khas; dan
- (b) Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas yang tidak dikhususkan sebagai Pembantu Khas tetapi diarahkan oleh Ketua Jabatan menjalankan tugas-tugas Pembantu Khas secara ganti kepada pegawai penyelia yang layak mendapat Pembantu Khas. Bayaran Elaun Pembantu Khas adalah secara *proportionate* mengikut bilangan hari bertugas secara sepenuh masa.

9. Sekiranya Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas diarah menanggung kerja tugas jawatan Pembantu Khas, maka pegawai tersebut hanya layak dibayar Elaun Penangguhan Kerja.

KAEDAH PEMBAYARAN

10. **Tarikh mula pembayaran** Elaun Pembantu Khas adalah dibayar mulai tarikh pengisian jawatan Pembantu Khas. Pembayaran hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan/penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

PEMBERHENTIAN PEMBAYARAN ELAUN

11. **Pembayaran Elaun Pembantu Khas** kepada Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas **hendaklah dihentikan** apabila Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas berada dalam keadaan-keadaan berikut :

- (a) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- (b) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- (c) Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari;
- (d) Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (e) cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;

- (f) kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau
- (g) menjalankan tugas Rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab bagi mengesah dan menentukan semua urusan pembayaran dan pemberhentian elaun berkenaan.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2010**.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008 kecuali perkara berkaitan Elaun Trengkas Dwibahasa di perenggan 6, 7, 8 dan 9(b) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 adalah dibatalkan kecuali untuk tujuan pembayaran elaun-elaun bagi pegawai yang tidak bersetuju menerima opsyen pertukaran pelantikan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009.

PEMAKAIAN

15. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 ‘Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat’. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 JANUARI 2010

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan